

**DEWAN RAKYAT MALAYSIA
PERTANYAAN BUKAN LISAN**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

DARIPADA : Tuan Anyi Ngau
[Baram]

SOALAN:

Tuan Anyi Ngau [Baram] minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR** menyatakan sejauh mana kesiapsiagaan serta perancangan pihak kementerian untuk mengatasi masalah banjir di kawasan Baram dalam masa terdekat.

JAWAPAN:

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar, melalui Jabatan Pengairan dan Saliran Malaysia (JPS) bertanggungjawab untuk melaksanakan program tebatan banjir dari segi pembinaan infrastruktur tebatan banjir, menyediakan data-data hujan dan paras air sungai serta laporan banjir.

Kawasan Baram merupakan kawasan pedalaman Sarawak yang mana banjir berlaku secara semulajadi akibat air sungai melimpah ke tebing-tebing sungai di sekitar Baram terutamanya pada musim tengkujuh. Ini disebabkan air pasang besar bertembung dengan hujan lebat. Kawasan-kawasan yang terjejas adalah Pekan Marudi, Long Lama, Long Jegan, Tutoh Apoh, Tinjar dan kampung-kampung lain di sepanjang sungai.

Bagi cadangan projek tebatan banjir, JPS pernah memohon peruntukan Rancangan Tebatan Banjir Marudi dalam RMKe-10 sebanyak RM15 juta tetapi tidak diluluskan. Memandangkan keadaan guna tanah kawasan Baram kebanyakannya masih semulajadi dan merupakan kawasan pertanian, pihak Kementerian buat masa ini tidak mempunyai perancangan bagi melaksanakan projek tebatan banjir.

Walau bagaimanapun, Kementerian akan terus melaksanakan projek-projek berskala kecil yang memberi manfaat terus kepada rakyat seperti kerja-kerja pembersihan sungai, perlindungan hakisan tebing, membina parit dan sebagainya untuk mengurangkan kesan banjir.

Sekian, terima kasih.